

# UMS-Politeknik KK bakal teraju anjakan minda hijau generasi muda Sabah

NST 13.7.2019 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat Pengurusan EcoCampus dan Politeknik Kota Kinabalu mengorak langkah untuk merancang beberapa bentuk kerjasama dalam menzahirkan program anjakan minda ke arah memupuk dan memperkasa gaya hidup hijau di kalangan generasi muda, khususnya para pelajar di kedua-dua institusi pengajian tersebut.

Sesungguhnya anjakan minda hijau merupakan suatu keperluan tegar dalam kerancakan dunia mengejar pembangunan lestari serta mengecapai pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2030 (United Nations Sustainable Development Goals 2030).

Kejayaan dalam anjakan minda hijau sebagianya sama penting dengan kemajuan sains dan teknologi, malahan dianggap sebagai faktor yang mampu diilzamkan oleh masyarakat umum tanpa mengira status sosial, had umur dan kelayakan ilmiah mahupun ketersediaan dana lumayan.

Perancangan ini dicapai sewaktu Lawatan Penanda Aras Politeknik Kota Kinabalu ke Pusat Pengurusan EcoCampus, UMS baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus Kelvin Kueh Boon Hee, mewakili Pengarah, iaitu Prof. Madya Dr. Berhaman Ahmad untuk menerima lawatan dan menyampaikan taklimat bertajuk "Agenda EcoCampus UMS: Living Campus untuk Abad Ke-21".

Kelvin menegaskan bahawa penjenamaan UMS sebagai sebuah EcoCampus sejak Februari 2013 merangkumi penerapan unsur pembangunan lestari dalam aspek Latar Persekitaran dan Infrastruktur, Tenaga dan Perubahan Iklim, Pengurusan Sisa, Pengurusan Air, Pen-

gangkutan serta Pendidikan dan Penyelidikan.

Katanya, usaha bersepdu seluruh warga UMS dan para pemegang taruh setakat ini telah membolehkan UMS mencapai kedudukan ke-71 di dunia (UI GreenMetric World University Ranking 2018), Bronze Award FEE EcoCampus Programme 2018/2019 (FEE, Denmark dan WWF-Malaysia) dan Anugerah Campus Lestari Universiti Awam Malaysia 2017 (SWCorp, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia).

Antara program anjakan minda hijau yang dirancang oleh Pusat Pengurusan EcoCampus UMS dan Politeknik Kota Kinabalu meliputi program perkongsian dan percambahan pengetahuan dan pemindahan kemahiran kitar semula tambah nilai ('upcycling') untuk para pelajar.

Program yang dirancang berkaitan dengan "upcycling" bahan buangan plastik, kaca dan kertas yang merupakan bahan buangan terbanyak yang dibuang ke tapak pelupusan tempatan. Program yang dirancang turut diharatkan mampu menjana pendapatan untuk para pelajar menerusi konsep 'circular economy' dan menyemarakkan semangat kitar semula di kalangan generasi muda.

Rombongan Politeknik Kota Kinabalu juga dibawa untuk melawat beberapa tempat yang menampakkan ilitzam Agenda EcoCampus UMS di bawah koordinasi Encik Alimin Awang Ali dan Cik Siti Nursofiyara Asmari – Pusat Minda Lestari, Fakulti Kejuruteraan dan Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC).

Rombongan Politeknik Kota Kinabalu diketuai oleh Subir Musta, Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer merangkup Ketua Penyelaras PKKGREEN dan Azli Syam Awang, Ketua Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan.



**KENANGAN BERSAMA...** Gambar berkumpulan kenangan sempena Lawatan Penanda Aras Politeknik Kota Kinabalu ke Pusat Pengurusan EcoCampus, UMS.



**MENCUBA...** Rombongan Politeknik Kota Kinabalu melawat Pusat Maklumat Pelawat EcoCampus (EVIC) UMS dan mencuba sendiri penggunaan pengangkutan mesra alam.